

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

4

RABU, 29 APRIL 2020 BH

Masyarakat digesa terus komited amalan normal baharu

Putrajaya: Masyarakat digesa meneruskan normal baharu disarankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ini seperti menjaga jarak serta membasuh tangan dengan kerap yang dianggap "vaksin" terbaik ketika ini untuk mengekang penularan COVID-19 di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia mengambil kira keadaan masa kini yang masih belum menemui sebarang vaksin bagi memutuskan rantaian wabak berkenaan.

"Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sahaja tidak boleh menghapuskan COVID-19 dengan sepenuhnya, malah masyarakat perlu bersedia menghadapi virus ini untuk tempoh yang lebih panjang.

"KKM akan meneruskan aktiviti pembendungan dan pengawalan, namun pembabitan aktif rakyat amat penting dalam membantu memutuskan rantaian COVID-19.

"Justeru, dua tindakan perlu terus diambil rakyat dalam memerangi virus COVID-19 adalah meneruskan amalan jarak sosial selamat iaitu sekurang-kurangnya satu meter dan juga menjaga tahap kebersihan diri terutama dengan kerap membasuh tangan menggunakan air dan sabun.

"Inilah amalan yang boleh menjadi 'vaksin' bagi masyarakat membantu negara memerangi penularan jangkitan COVID-19 ini," katanya pada sidang media harian COVID-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, seperti sering ditekankan pihaknya sebelum ini, perjuangan negara menentang COVID-19 masih panjang dan usaha itu perlu berterusan.

"Normal kehidupan baharu ini perlu diterapkan ke semua peringkat masyarakat supaya ia menjadi amalan kita. Ternyata kejayaan dan pencapaian melandaikan lengkungan dan mengawal penularan virus COVID-19 adalah kejayaan bersama, iaitu rakyat dan kerajaan," katanya.

KKM akan meneruskan aktiviti pembendungan dan pengawalan, namun pembabitan aktif rakyat amat penting dalam membantu memutuskan rantaian COVID-19.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

Nasional

Penularan COVID-19

Rekod jangkitan kes satu angka sehari boleh dicapai

KKM sasar menjelang pertengahan Mei hasil fasa pemulihan sekarang

Putrajaya: Jumlah jangkitan kes baharu COVID-19 dijangka terus berkurangan sehingga mencapai rekod satu angka sehari, menjelang pertengahan Mei ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata unjuran itu dibuat berdasarkan pola pertambahan kes baharu COVID-19 di Malaysia yang kini memasuki fasa pemulihan, dengan hanya merekodkan kes dua angka, sejak beberapa hari lalu.

Bagaimanapun, katanya sasaran itu hanya mampu dicapai sekiranya orang ramai memberi kerjasama untuk terus kekal berada di rumah, selain menjaga kebersihan diri dan penjarakan sosial ketika di tempat awam.

"Kita kena amalkan kebiasaan baharu dan terus duduk di rumah, sekali gus menurunkan kadar kes kebolehjangkitan kepada hanya 1,000 atau 500 kes sahaja," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Menyentuh kemajuan Thai-



Dr Noor Hisham pada sidang media berhubung situasi semasa jangkitan COVID-19 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

land merekodkan satu angka kes baharu COVID-19 pada hari kedua berturut-turut, Dr Noor Hisham berkata negara jiran itu tidak mempunyai sejarah perhimpunan jemaah tabligh yang sehingga kini mewakili hampir 40 peratus kes penularan COVID-19 di Malaysia.

"Kita lewat sembilan hari mengesan kes jemaah tabligh. Dalam tempoh itu, kes sudah merebak ke kampung dan mukim tanpa kawalan. Saya percaya jika kita tiada kes jemaah tabligh, kes

baharu COVID-19 mungkin lebih rendah berbanding Thailand ketika ini," katanya.

Mengenai perkembangan terkini, Dr Noor Hisham berkata 75 kes pesakit sembuh daripada jangkitan COVID-19 direkodkan semalam, lebih dua kali ganda berbanding jumlah kes pesakit baharu.

Katanya, sehingga jam 12 tengah hari semalam 31 kes baharu dilaporkan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) KKM, menjadikan jumlah kes positif

COVID-19 di negara ini sebanyak 5,851 kes.

"Jumlah kes masih aktif dan kebolehjangkitan COVID-19 seramai 1,719 kes, dengan 36 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 17 memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata satu kes kematian baharu akibat COVID-19 direkodkan menjadikan jumlah kumulatif 100 kes.

"Kematian ke-100 membabitkan kes ke-3,623 iaitu seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 67 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan strok.

"Beliau sebelum ini dirawat di Hospital Sungai Buloh pada 4 April lalu sebelum disahkan meninggal jam 9.40 pagi tadi (semalam). Pihak Kementerian mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau," katanya.

Mengenai pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa ketiga bermula hari ini, Dr Noor Hisham berkata jumlah kes aktif semakin menurun sepanjang fasa ketiga penguatkuasaan, sekali gus meratakan lengkungan dan meletakkan negara dalam fasa pemulihan.

"Pelaksanaan PKP memastikan fasiliti KKM dapat menampung bilangan pesakit COVID-19 di Malaysia, termasuk kapasiti di ICU dan penggunaan mesin bantuan pernafasan di hospital," katanya.

Pengunjung pasar awam bergejala diminta lakukan saringan

Putrajaya: Pengunjung pasar awam, khususnya yang mempunyai gejala seperti batuk, demam dan sesak nafas disarankan tampil melakukan saringan COVID-19 di kemudahan kesihatan berdekatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata langkah itu penting terutama bagi pengunjung pasar awam yang mengesyaki mereka terdedah kepada kes positif.

Penularan wabak COVID-19 yang membabitkan kluster Pasar Borong Kuala Lumpur, setakat ini merekodkan 74 kes positif, dengan 13 daripadanya membabitkan individu yang bukan menjalankan perniagaan di pusat penjualan barangan ba-

seh terbabit.

Terbaru, pasar Jalan Othman, dekat Petaling Jaya ditutup 14 hari mulai kelmarin bagi tujuan operasi nyah cemar di sekitar premis terbabit, selepas seorang peniaga disahkan positif jangkitan COVID-19.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) kelmarin menyarankan pengunjung yang hadir ke pasar terbabit antara 4 hingga 18 April perlu mengisi borang untuk melakukan saringan kontak rapat.

Dr Noor Hisham yakin kes baharu direkodkan di beberapa pasar awam ketika ini berpunca daripada kluster Pasar Borong Kuala Lumpur yang membabitkan segelintir individu sama da-

lam kalangan peserta perhimpunan jemaah tabligh di Masjid Seri Petaling.

"Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di kawasan berkaitan jika wujud peningkatan kes mendadak, susulan kluster Pasar Borong Kuala Lumpur," katanya pada sidang media harian COVID-19 semalam.

Sementara itu, beliau berkata barisan hadapan yang berkhidmat di hospital COVID-19 akan disaring setiap dua minggu apabila atau kit ujian pantas (RTK) yang dibeli dari Korea Selatan tiba, dijangka akhir minggu ini atau minggu depan.

Katanya, RTK yang merekodkan ketepatan bacaan dan be-

rupaya memberikan keputusan dalam tempoh kurang 45 minit itu juga akan digunakan di negeri lain seperti Sabah dan Sarawak.

Dr Noor Hisham berkata, kadar ujian saringan COVID-19 dijalankan secara tertumpu, khususnya untuk golongan berisiko di Malaysia ketika ini ialah 4.75 bagi setiap sejuta penduduk.

"Sehingga hari ini (semalam), kita sudah lakukan 152,142 ujian dan ia diutamakan kepada golongan berisiko dan secara tertumpu.

"Saringan akan tetap dijalankan setiap hari dan kita jangka kapasiti ujian selari pertambahan makmal akan ditingkatkan lagi," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NASIONAL

BE RABU, 29 APRIL 2020

Nasional

Penularan COVID-19

KKM sahkan bayi 18 hari dikesan positif COVID-19

Tidak dapat dipastikan sama ada transmisi berlaku dalam kandungan

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan satu kes membabitkan bayi yang dilahirkan oleh ibu yang juga pesakit positif COVID-19, dijangkiti penyakit sama selepas 18 hari kelahiran.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bagaimanapun tidak dapat dipastikan bagaimana bayi berkenaan dijangkiti sama ada ia berlaku ketika dalam kandungan atau sebaliknya.

"Apa yang kita dapati, dalam proses itu (kelahiran) tidak ada

komplikasi berlaku," katanya pada sidang media harian COVID-19 semalam.

Mengulas isu sama, Pakar Perbidanan dan Sakit Puan (O&G) dari Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Prof Dr Nur Azurah Abd Ghani, berkata tiada transmisi jangkitan COVID-19 direkodkan daripada ibu hamil kepada anak yang dikandungnya sebelum ini.

Beliau berkata, namun penemuan itu hanya berdasarkan pengalaman kes ibu hamil dijangkiti COVID-19 yang pernah dicatatkan di luar negara seperti di China dan United Kingdom.

"COVID-19 adalah virus baharu dan banyak benda kita masih belum tahu... tetapi setakat apa yang kita tahu insya-Allah tiada transmisi daripada ibu kepada anak.

"Laporan daripada negara luar juga tidak menemui lagi COVID-19 dipindahkan daripada ibu



Tiada transmisi jangkitan direkodkan daripada ibu hamil kepada anak dikandungkan sebelum ini.

Dr Nur Azurah Abd Ghani, Pakar Perbidanan dan Sakit Puan (O&G) dari Hospital Canselor Tuanku Muhriz

kepada anak dalam kandungan walaupun ibunya dijangkiti wabak itu.

"Namun, ibu yang ada COVID-19 dan ingin melahirkan, disarankan bersalin secara pembedahan bagi mengelakkan transmisi virus kepada bayi," katanya kepada BH.

Dr Nur Azurah berkata, penting bagi ibu hamil segera melakukan pemeriksaan jika mengalami gejala COVID-19 dan mendapatkan rawatan jika disahkan positif.

"Seperti individu lain juga, ibu hamil harus sentiasa mempraktikkan penjarakan sosial, menjaga kebersihan dengan kerap mencuci tangan bagi melindungi diri mereka.

"Ibu hamil juga harus mengambil makanan sihat dan berkhasiat dan pengambilan vitamin C untuk meningkatkan tahap imunisasi badan boleh dilakukan tetapi jangan berlebihan," katanya.

MSU antara 43 makmal pusat uji saringan

Kuala Lumpur: Management and Science University (MSU) disenaraikan antara 43 makmal yang dijadikan sebagai pusat ujian saringan COVID-19 di negara ini.

Semua makmal yang disenarai itu membolehkan 11,500 ujian COVID-19 dilakukan dalam sehari.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam kenyataan semalam memaklumkan, makmal berkenaan akan membantu pihaknya mempercepatkan proses pelaksanaan ujian dan rawatan susulan, selain mengurangkan risiko penularan wabak itu.

"Sumbangan MSU dalam menyediakan fasiliti makmal untuk menjalankan ujian klinikal pengesanan COVID-19 bertepatan perannya sebagai antara institusi pengajian tinggi (IPT) yang melahirkan modal insan terlatih dalam bidang perubatan dan sains kesihatan.

"Peranan MSU membabitkan petugas makmal di Makmal Penyelidikan dan Diagnostik yang turut disertai penyelidik universiti dan pakar.

"Mereka mempunyai kepakaran dalam bidang biologi molekul, mikrobiologi, biokimia, farmakokinetik, perubatan, kultur tisu, onkologi, bioinformatik, pemakanan, kesihatan awam, ke-



Petugas makmal membuat ujian pada sampel di Makmal Diagnostik MSU (MSU-DXL) di Shah Alam.

(Foto Osman Adnan/BH)

selamatan dan kesihatan pekerjaan," katanya.

KKM berkata, makmal MSU menggunakan prototaip teknologi 'Smart Helmet' dan pesawat tanpa pemandu (UAV) bagi me-

lancarkan proses ujian saringan berkenaan.

"Pusat Perubatan MSU pula memainkan peranan apabila menawarkan perkhidmatan ujian pandu lalu COVID-19 untuk

orang awam," katanya.

Selain di MSU, makmal lain beroperasi di bawah KKM, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Ratusan di Jalan Masjid India jalani saringan

Kuala Lumpur: Ratusan individu warga tempatan dan asing yang bekerja serta tinggal di sekitar Jalan Masjid India di sini, menjalani saringan wabak Covid-19, semalam.

Mereka termasuk pekerja pasar raya berhampiran, pekerja premis perniagaan dan penghuni kediaman di kawasan itu menjalani saringan secara berperingkat bermula dari jam 1 tengah hari.

Difahamkan, ujian saringan itu dilakukan berikutan ramai warga asing tinggal berhampiran bangunan Selangor Mansion dan Malayan Mansion.

Tinjauan mendapati saringan dilakukan di khemah disediakan berhampiran dua bangunan berkenaan.



PENGHUNI Selangor Mansion di Masjid India, semalam.

Sepasukan petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) lengkap dengan peralatan perlindungan diri (PPE) mula menyaring semua individu berkenaan.

Terdahulu, difahamkan seramai 48 penduduk di ke-

dua-dua flat yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Jalan Masjid India itu disyaki positif Covid-19.

Setakat ini, semua mereka dilaporkan sudah dihantar ke Hospital Sungai Buloh

dan Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk rawatan susulan.

Difahamkan, 43 individu membabitkan penduduk Selangor Mansion manakala selebihnya dari Malayan Mansion.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

8A www.hmetro.com.my @hmetromy HarianMetro @hmetromy

Rabu 29.04.2020 | Harian Metro

lokal

Kes aktif Covid-19 semakin menurun

Kuala Lumpur: Peningkatan kes yang pulih daripada Covid-19 menjadikan jumlah kes aktif semakin menurun sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa tiga.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pelaksanaan PKP fasa tiga akan memasuki fasa empat hari ini dan jumlah kes harian menunjukkan tren penurunan dan kadangkala mendatar.

"Ini sekali gus berjaya meratakan lengkung dan negara kini memasuki fasa pemulihan.

"Contohnya jumlah kes aktif hari ini adalah 1,719 kes



DR Noor Hisham

berbanding kes aktif tertinggi 2,596 kes pada 5 April lalu," katanya di Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM), Putrajaya, semalam.

Menurutnya, pencapaian itu adalah hasil daripada tindakan proaktif dan agresif kerajaan dalam aktiviti pembendungan penularan Covid-19 sepanjang tempoh sebelum dan ketika PKP.

"Ini dapat memastikan fasiliti KKM dapat menampung bilangan pesakit Covid-19 di Malaysia termasuk kapasiti Unit Rawatan Rapi (ICU) dan kapasiti penggunaan mesin bantuan pernafasan di hospital.

"PKP membantu mengurangkan interaksi antara masyarakat dan mengurangkan kebolehan jangkitan Covid-19.

"KKM dengan pelbagai agensi menggunakan pendekatan tertumpu bagi kumpulan yang berisiko tinggi bagi aktiviti pengesanan kes secara aktif," katanya.

Menurutnya, tindakan itu termasuk pengesanan, penyarangan, ujian, isolasi dan rawatan bagi individu dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan.

"Ini juga termasuk pengesanan peserta perhimpunan di Seri Petaling dan perhimpunan besar-besaran yang lain, pengesanan sekolah serta madrasah tahfiz," katanya.

Bilangan pesakit pulih kekal atasi kes baharu

Kuala Lumpur: Sebanyak 75 kes pulih daripada jangkitan Covid-19 setakat jam 12 tengah semalam, sekali gus mengekalkan perkembangan positif apabila melebihi kes baharu yang direkodkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan kes pulih itu menjadikan jumlah keseluruhan sembuh daripada jangkitan Covid-19 ialah 4,032 kes atau 68.9 peratus.

Beliau berkata, sebanyak 31 kes baharu direkodkan setakat semalam menjadikan jumlah kumulatif 5,851 kes positif. "Oleh itu, jumlah kes aktif

dengan kebolehan jangkitan Covid-19 adalah 1,718 kes. Mereka diasingkan dan diberi rawatan.

"Sehingga kini, 36 kes positif Covid-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, 17 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam di Putrajaya, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, daripada maklumat terkini dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) terdapat pertambahan satu kes kematian berkaitan Covid-19, sekali gus jumlah keseluruhan angka korban adalah 100 orang.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Semua peniaga, pemborong di pasar wajib jalani ujian swab

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengarahkan semua peniaga dan pemborong di pasar yang mempunyai kes jangkitan koronavirus (Covid-19) supaya menjalani saringan kesihatan wabak itu.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ujian swab bukan hanya dilakukan di Pasar Borong Kuala Lumpur di Selayang tetapi juga di pasar-pasar lain.

"Hanya peniaga atau pemborong yang ada kad atau surat pengesahan negatif Covid-19 daripada hospital atau klinik sahaja akan dibenarkan untuk menjalankan perniagaan.

"KKM juga sedang mengesan mereka yang mempunyai kontak dengan peniaga atau pemborong yang disahkan positif Covid-19 di Pasar Borong Kuala Lumpur sebelum ini," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, pihaknya mendapati ada peniaga di pasar lain mempunyai kontak dengan peniaga atau pemborong di Pasar Borong Kuala Lumpur.

"Sebab itu kita akan pastikan peniaga di pasar itu perlu jalani ujian saringan kesihatan Covid-19. Mana-mana pihak yang ada kaitan semuanya akan jalani saringan kesihatan tersebut," kata beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19



MEMERANGI WABAK COVID-19

Laporan NURUL HUDA HUSAIN dan
TUAN BUQHAIIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

RABU 29 APRIL 2020 • SINAR HARIAN

#PastiAdaSinar

PKP fasa tiga ratakan lengkung

Kes yang pulih terus meningkat sekali gus turut menurunkan jumlah kes aktif Covid-19

PUTRAJAYA

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa tiga yang berakhir semalam menunjukkan kejayaan dalam meratakan lengkung jangkitan wabak koronavirus (Covid-19) di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia dapat dilihat dengan peningkatan kes yang pulih, sekali gus turut menurunkan jumlah kes aktif.

Menurutnya, pencapaian itu adalah hasil daripada tindakan

proaktif dan agresif kerajaan menerusi aktiviti pembendungan penularan Covid-19 sepanjang tempoh sebelum dan semasa PKP.

"Pelaksanaan PKP fasa tiga akan memasuki fasa empat mulai esok (hari ini). Setakat ini didapati jumlah kes harian sering menunjukkan trend menurun dan kadangkala mendatar.

"Dengan peningkatan kes-kes yang pulih, ia menjadikan jumlah kes aktif semakin menurun sepanjang fasa tiga PKP. Ia sekali gus berjaya meratakan lengkung (*flattening of the curve*) dan negara kini memasuki fasa pemulihan.

"Misalnya, jumlah kes aktif pada hari ini (semalam) sebanyak 1,719 kes berbanding kes aktif tertinggi iaitu 2,596 pada 5 April lalu," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, pelaksanaan PKP telah membantu mengurangkan interaksi antara masya-



DR NOOR HISHAM

rakat dan mengurangkan kebolehjangkitan Covid-19, selain aktiviti pengesanan kes secara aktif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan pelbagai agensi menggunakan pendekatan tertumpu.

"Ia dapat memastikan fasiliti KKM dapat menampung bilangan pesakit Covid-19 di Malaysia termasuk kapasiti unit rawatan rapi (ICU) dan kapasi-

ti penggunaan mesin bantuan pernafasan di hospital," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Malaysia dijangka mencatat kes baharu positif Covid-19 satu digit pada pertengahan Mei depan.

Menurutnya, unjuran itu dapat dicapai sekiranya rakyat bersama-sama mengamalkan norma baharu.

"Alhamdulillah, telah seminggu kita merekodkan kes baharu dua digit. Dalam seminggu dua lagi iaitu pertengahan Mei kita dapat capai satu digit," katanya.

Beliau berkata, norma baharu itu bukan hanya disarankan kepada petugas KKM, malah kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Jika tiada keperluan di luar, duduk rumah dan tidak akan ada jangkitan daripada seorang kepada seorang," katanya.

Menurutnya, kes kebolehjangkitan yang mencatatkan sebanyak 1,719 kes juga dijing-

ka berkurangan.

"Kita jangka boleh kurangkannya menjadi bawah 1,000 atau 500 kes. Itu yang penting," kata beliau.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, masyarakat perlu bersedia untuk terus menerapkan norma kehidupan baharu iaitu amalan penjarakkan sosial yang selamat dan menjaga kebersihan diri bagi memastikan penularan Covid-19 dapat diputuskan.

Katanya, ketika ini hanya dua amalan tersebut boleh menjadi vaksin memerangi Covid-19.

"PKP tidak boleh menghapuskan Covid-19 sepenuhnya. Masyarakat perlu bersedia menghadapi virus ini untuk tempoh yang lebih panjang.

"KKM akan meneruskan aktiviti pembendungan dan pengawalan. Meskipun begitu, penglibatan aktif rakyat adalah amat penting," kata beliau.

Sultan Kelantan sumbang dua juta sarung tangan kepada KKM

PUTRAJAYA - Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V berkenan menyampaikan sumbangan peribadi berupa dua juta keping sarung tangan getah untuk edaran ke fasiliti dan hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh Malaysia.

Perkara itu dikongsi dalam laman Facebook rasmi KKM semalam.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang), Datuk Takiyuddin Hassan di sini semalam yang mewakili Sultan Muhammad V kepada Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Turut hadir menyaksikan serahan sumbangan diraja itu ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.



Takiyuddin (kanan) mewakili Sultan Kelantan menyerahkan sumbangan sarung tangan kepada Dr Adham di Putrajaya semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • RABU 29 APRIL 2020

#PastiAdaSinar

MEMERANGI WABAK COVID-19

Laporan NURUL HUDA HUSAIN dan TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN



Lebih 4,000 orang sembuh Covid-19

Jumlah kes aktif dengan kebolejangkitan wabak koronavirus semakin menurun

PUTRAJAYA

Bilangan kes pulih dan didiscai akibat jangkitan wabak koronavirus (Covid-19) kini melepasi angka 4,000 kes apabila 75 orang lagi disahkan sembuh dan dibenarkan keluar wad semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan kumulatif kes sembuh dan didiscai kini melonjak kepada 4,032 kes.

"Sehingga kini, seramai 36 kes positif Covid-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU)," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, terdapat 31 kes baharu telah

dilaporkan menjadikan jumlah kes positif wabak itu di Malaysia adalah sebanyak 5,851 kes.

"Oleh itu, jumlah kes aktif dengan kebolejangkitan Covid-19 adalah sebanyak 1,719 kes," katanya.

Beliau turut memaklumkan terdapat satu lagi kematian baharu menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian kini 100 orang.

Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 10 kes baharu Covid-19 melibatkan rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara.

Beliau berkata, ia menjadikan jumlah kumulatif kes import itu meningkat kepada 154 orang.

"Pengembara Malaysia yang baru pulang dari United Kingdom mencatatkan jumlah kes paling tinggi iaitu seramai lima orang.

"Ia disusuli dengan dua orang yang baru pulang dari Singapura dan masing-masing satu dari Indonesia, Brunei dan Kemboja," katanya.

Dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham turut memaklumkan kawasan Perintah Kawalan Diperketatkan (PKPD) Pusat Bandar Utara dan sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur merekodkan jumlah kes baharu paling tinggi iaitu lima kes.

Selain itu katanya, masing-masing satu kes di PKPD Selangor Mansion dan Menara Plaza City One.

"Lain-lain PKPD tiada kes baharu dicatatkan," katanya.

Pengunjung pasar disyorkan tampil buat saringan jika bergejala

PUTRAJAYA - Pengunjung pasar yang mempunyai gejala jangkitan koronavirus (Covid-19) disyorkan tampil membuat ujian saringan di fasiliti kesihatan terdekat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ujian saringan perlu dilakukan bagi mengesan sekiranya wabak itu telah menjangkiti pengunjung pasar.

"Sama seperti kluster tabligh, mereka dinasihatkan tampil melakukan saringan sekiranya bergejala seperti batuk, selesema dan sesak nafas," katanya di sini semalam.

Selain itu, katanya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melakukan saringan terhadap peniaga pasar awam lain termasuk Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur.

"Kita percaya ada pekerja pasar yang menghadiri perhimpunan tabligh dan ia telah menjangkiti yang lain. Tindakan (saringan) sama akan dilakukan," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, KKM mengesahkan wujud jangkitan Covid-19 daripada ibu mengandung kepada bayinya selepas proses kelahiran.

Beliau berkata, bayi itu disahkan positif wabak itu ketika berusia 18 hari.

"Memang ada kes tetapi kita tidak pasti sama ada jangkitan itu berlaku ketika di dalam kandungan atau sebaliknya," kata beliau.



Bagaimanapun, beliau berkata, proses kelahiran tersebut berjalan lancar.

"Tiada sebarang komplikasi berlaku semasa proses kelahiran," katanya.


KES KEMATIAN BAHARU COVID-19 DI MALAYSIA					
Kes ke	Kematian ke	Jantina	Umur (Tahun)	Hospital	Latar belakang
3,628	100	Lelaki	67	Hospital Sungai Buloh, Selangor	Mempunyai penyakit jantung, kencing manis, darah tinggi dan strok

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

JUMLAH KESELURUHAN: **5,851** | PULIH: **4,032** | ICU: **36** | KEMATIAN: **100** | KES BAHARU: **+31**



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 28 April 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 5,820 kes kepada 5,851 kes

INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

WEDNESDAY, APRIL 29, 2020 • NewStraitsTimes

Story of the day / NEWS

5

COLLECTIVE EFFORT NEEDED

'SINGLE-DIGIT NEW CASES BY MID-MAY'

Nation continuously records double-digit new cases for a week, says health D-G

PUTRAJAYA

THE Health Ministry is expecting the number of daily new Covid-19 cases to be reduced to single digit by middle of this month.

Its director-general, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, said the country had continuously recorded double-digit new cases for a week now.

"We predict that in a week or two, maybe by mid-May, we will record single-digit new cases.

"But we need collective effort from all. We do not want only the Health Ministry practising the new normal, all Malaysians should do the same. Stay home unless it is necessary to go out. Home is the safest place, it will help stop the virus transmission.

"What's more important is to reduce active cases. Until today, we have 1,719 active cases and we hope to reduce them to below 1,000 cases," he said at the daily Covid-19 press conference here yesterday.

He was commenting on when Malaysia would start recording single-digit new Covid-19 cases as Thailand had recorded single digit for new cases for the second



Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah speaking at the daily Covid-19 press conference in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FADLI HAMZAH

consecutive day yesterday.

There were seven new cases and two new deaths in Thailand, bringing the tally to 2,938 cases and death toll to 54.

Dr Noor Hisham said although Malaysia had a smaller population compared with Thailand, the nation had higher total Covid-19 cases due to the Sri Petaling tabligh gathering that took place at the end of February.

"The Sri Petaling mass gathering contributed between 30 and 40 per cent of the total cases in Malaysia. Without the event, our total cases may be fewer than Thailand.

"However, although we were late in taking action — I was informed of the event (tabligh) only on March 9 by my Bruneian coun-

terpart, about nine days after the event ended — we managed to stop the spread of the virus."

Up to 5pm yesterday, Malaysia recorded a total of 5,851 Covid-19 cases, of which 2,155 were from the tabligh cluster, with 31 new cases and one death.

Dr Noor Hisham said one of the cases involved a newborn, who tested positive for Covid-19 about 18 days after it was born. However, he said, it could not be determined if the baby had contracted the virus from the mother, a Covid-19 patient, before or after birth.

"There was no problem during the pregnancy or complications during delivery. We are not sure whether the virus was transmitted during the pregnancy."

'Market workers may have attended tabligh event'

PUTRAJAYA: The Selayang wholesale market cluster for Covid-19 transmission is believed to have originated from the Sri Petaling tabligh gathering.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry believed that workers at the wholesale market had participated in the gathering, which was held in late February.

"We believe that workers at the wholesale market, now placed under the Enhanced Movement Control Order (EMCO), attended the gathering and subsequently infected others in the area.

"A total of 74 Covid-19 positive

cases were recorded there and 13 of them are not from the area. They are traders from other markets who get their supplies at the wholesale market. But now, they had transmitted the virus to the markets."

He said one of the traders was from Bahau, Negri Sembilan.

"After we detected that the trader was Covid-19 positive, the market was immediately closed down for disinfection. Subsequently, we conducted tracing of the patient's close contacts.

"We are taking the same action at the Taman Megah, Jalan Othman and Chow Kit wet markets."

He said the Health Ministry adopted the same procedure for contact tracing that it had carried out during the first wave of Covid-19.

"We will impose EMCO at a locality if we find that the area has active cases.

"We have conducted 15,000 tests at the wholesale market with 74 positive cases detected. We are conducting active case detection in the EMCO areas."

He urged those who had contacts with market traders who tested positive to come forward for Covid-19 screening, particularly those with symptoms.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Social distancing preferred

M'sians suggest ways to stay healthy after the end of MCO

By NUR HANISAH ZAINAL
hanisazainal@thestar.com.my

PETALING JAYA: Many Malaysians feel that social distancing should still be practised even after the movement control order (MCO) has been lifted in order to keep Covid-19 at bay.

This was seen in the response to Health Ministry director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah's tweet asking Malaysians to give their suggestions on how to remain healthy after the MCO period ends.

"Help us to help you. You are invited to give your suggestions or views to the ministry on how Malaysians can remain healthy after the MCO," wrote Dr Noor Hisham on his Twitter account.

User @RashdanMohamed suggested that Malaysians should still maintain social distancing practices and avoid mass gatherings.

The suggestion was also echoed by user @0524_kai, who added that the authorities should continue to monitor places such as shopping malls and bus stations.

"My suggestion would be to continue imposing (the) one representative for each household (rule) to carry out essential shopping and relevant activities even after MCO has been lifted," he said.

Another tweet even suggested



A safe distance: A municipal worker controlling the number of people entering the Pasar Besar Meru in Klang during the MCO.

supermarkets limit the number of customers inside the premise at any one time.

"Maintain social distancing in public places. Place a limit on how many customers can enter retail outlets such as supermarkets, as these places can get crowded especially when it's the end of the month or when there are sales," @shazai75 suggested.

User @alexjheng meanwhile said large supermarkets should be allowed to open for 24 hours to avoid crowds.

"It's too crowded when the window (for opening) is just 12 hours. Have you seen the lines to buy food during daytime? It's crazy," he said.

Others suggested that face masks should be worn at all times when outside.

User @zaim_awang said we should "learn from Hong Kong - masks for all".

User @janet_janetleow suggested that face masks should be mandatory for food handlers.

Some also want it to be easier for people with symptoms to be tested

for Covid-19.

User @jillashakti said: "Create a booth in every city where anyone (who) has symptoms, or wants to get tested, can get tested."

Many also suggested that employees whose jobs allow them to work from home should be allowed to do so.

"Compulsory work from home where possible. Fine or jail employers who don't allow (this)," said user @orrlang.

User @soulz_ said: "Make a timetable where employees alternate working in the office and at home."

This view was echoed by user @ztrosly, who suggested that flexible working hours should be introduced so that all employees would not be in the office at the same time.

The fourth phase of the MCO ends on May 12, according to Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Several European countries have also laid out plans to ease the restrictions put in place to stem the rise of Covid-19 in their countries, including countries hit hard by the coronavirus such as Italy and Spain.

In Italy, for example, Prime Minister Giuseppe Conte announced that its manufacturing industry could reopen on May 4 but strict health safety measures would still be in place.

31 new cases detected, lowest since March 12

By JOSEPH KAOS Jr
and CLARISSA CHUNG
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia reported 31 new Covid-19 cases, the lowest daily figure since the implementation of the movement control order (MCO) in the country.

The last time Malaysia had fewer than 31 new cases in a day was March 12 when there were only nine cases recorded.

The MCO started on March 18.

It is also the 12th day in a row that Malaysia has recorded double digits in its daily figures.

The total number of Covid-19 infections in the country is now 5,851, with only 1,719 active cases currently receiving treatment at the country's health facilities.

At the Health Ministry's daily Covid-19 press conference here, director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah also announced the country's 100th death - a 67-year-old man with a history of

diabetes, hypertension, heart disease and stroke.

"He has been receiving treatment at Hospital Sungai Buloh since April 4 and was pronounced dead at 9.40am on April 28," he said.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said active case detection was being carried out at the Kuala Lumpur Wholesale Market to track other traders and close contacts of Covid-19-positive cases there.

He said the positive cases in the locality, which was placed under enhanced MCO, were linked to the Masjid Jamek Sri Petaling tabligh gathering cluster.

"There are 74 positive cases linked to the area, where 13 cases are not from the wholesale market but are traders from other markets.

"They bought vegetables there and returned to other markets such as the market in Bahau (Negri Sembilan)," he said.

Dr Noor Hisham said when they detected positive cases there, they screened and traced contacts of

those who were found to be positive, and carried out disinfection of the markets.

"We have done the same for the markets in Taman Megah and Jalan Othman (both in Petaling Jaya) and the one in Chow Kit (KL)," he said.

The Masjid Jamek Sri Petaling tabligh gathering was held from Feb 27 to March 1.

So far, 2,155 people related to the tabligh cluster have tested positive for Covid-19.

Dr Noor Hisham said the country would have had fewer cases if the tabligh cluster had been detected much earlier.

"Nearly 40% of our total cases were related to this cluster. We were only aware about the gathering on March 9, which was nine days too late. By then, the participants had returned to their hometowns and villages," he said.

Dr Noor Hisham, however, said that the ministry had so far managed to keep the spread of the virus under control despite the

challenges involved.

He added that the country was now moving towards recovery and hoping to record single digits by the middle of May.

"We can achieve single digits but this requires every single Malaysian embracing the new norms.

"If there is no necessity to go out, stay at home. That is the safest thing you can do, and you will prevent the transmission of the virus from one person to another," he said.

On the reopening of the economic sectors, he said the standard operating procedure was already in place.

"We are opening up in phases. The priority will be given to the construction industry and the big industries, then we will open up the service industry, slowly but surely."

The country is currently in the fourth phase of the MCO, which is scheduled to end on May 12.

Movement is still highly restricted but the government has slowly begun reopening the commercial sectors.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

'Many Sabah cases involve minimal or zero symptoms'

By STEPHANIE LEE
stephanielee@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Many of the Covid-19 cases in Sabah involved those with minimal or zero symptoms, says Health Department director Datuk Dr Christina Rundi.

"Therefore, health authorities must take extra precautions, including making it compulsory for students or anyone returning to Sabah to fill up a health declaration form honestly upon arrival at the Kota Kinabalu International Airport.

"After filling up the form, these people will then get screened and

have their health status evaluated and have their samples taken for tests twice," Dr Rundi said.

She said those with symptoms would be referred to the hospital for further examination while those without symptoms would be asked to either self-quarantine at home or head to state-run quarantine centres.

She said these steps were needed to contain or break the chain of Covid-19 infection.

The Federal Government has announced that students are allowed to return to their hometowns starting this week.

Dr Rundi said health personnel would decide, based on evaluation, if those entering the state would either self-quarantine at home or must go to a quarantine centre.

Meanwhile, Sabah's Covid-19 cases increased from 311 to 312 on April 27.

A single case in Kota Kinabalu was detected from targeted screenings conducted by the Health Department.

In another development, the public has been urged to donate blood as the blood banks in Sabah are running low. There has been a 24% reduction in donors since the

enforcement of the movement control order (MCO).

Dr Rundi said this was also because almost all blood donation drives were cancelled during the MCO period and low blood supply would probably continue even after Hari Raya.

To minimise health risks to donors and medical personnel on duty, appointments are encouraged and donors who have set an appointment will be given priority.

Dr Rundi said those who had travelled overseas in the past 28 days, had contact with Covid-19 patients or their contacts, were not

encouraged to donate blood as of now.

"Anyone who has been sick, especially with fever, cough or flu and has recovered less than two weeks ago, should also not donate blood.

"During this fasting month, Muslims too can contribute. There are some guidelines, including maintaining a balanced and healthy diet, which they can follow if they are interested in donating blood.

"Muslims are encouraged to donate after breaking their fast.

"According to the national fatwa committee, donating blood does not nullify a person's fast," she said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Death toll hits the century mark

PETALING JAYA: The death toll from Covid-19 infections has hit the century mark. Yesterday, another fatality was reported, bringing the total to 100.

In addition, Health Ministry Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah said there were 31 new cases as of noon yesterday, down from 40 the day before.

This brings the total number of infections in Malaysia to 5,851. Out of these, 1,719 are active cases.

Noor Hisham said at his daily media conference that 36 of the patients remain in intensive care and 17 of them need ventilator support.

However, the number of those who have recovered and have been discharged from hospital has also dropped. Yesterday, 75 patients were well enough to head home, down from 95 on Monday.

This brings the total number of those who have recovered to 4,032.

The patient who succumbed to the infection yesterday was a 78-year-old with a history of diabetes, hypertension, heart disease and stroke.

He had been receiving treatment at the Sungai Buluh Hospital since April 4. He died at 9.40am.

Yesterday was also the final day of the third phase of the movement control order. The fourth phase begins today and is scheduled to end on May 12.